

23 MAC 2018

## Khayal syabu depan tiga anak

Beri contoh buruk pada anak kecil. Itu tindakan suami isteri yang gemar menagih dadah syabu di hadapan tiga anak mereka bersama rakan lain.

Pasangan itu bagaimanapun ditahan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di rumah mereka di Pantai Dalam di sini, semalam.

Dalam serbuan jam 5 petang itu, pasangan masing-masing berusia 40-an berkenaan ditahan dalam keadaan khayal bersama tiga anak mereka berusia lingkungan lima hingga 14 tahun.

Pengarah AADK Kuala Lumpur Tengku Hanizar Tengku Awang berkata, pihaknya menerima aduan daripada orang awam memaklumkan pasangan terbabit menjadikan rumah mereka sebagai 'sarang'

**Kuala Lumpur**

### Khayal syabu depan tiga anak

penagihan dadah.

"Anak pasangan itu mengaku mereka sering melihat rakan ibu bapa mereka menagih dadah di hadapan mereka. Malah, penagih turut menjadikan kediaman itu sebagai lokasi lepak dan tidur," katanya.

"Berdasarkan rekod, pasangan itu tidak pernah ditahan kerana mengambil dadah," katanya.

Tengku Hanizar berkata, hasil ujian saringan air kencing dilakukan mendapati suami isteri itu positif dadah jenis syabu.

"Suami mengaku mengambil dadah berkenaan sejak 10 tahun lalu, manakala isterinya pula terjebak sejak dua tahun lalu.

"Anak pasangan terbabit diserahkan kepada pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan lanjut," katanya yang turut memuji kerjasama pihak JKM.

Beliau berkata, suami isteri itu ditahan mengikut Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

"Kami menyeru kepada orang ramai supaya memaklumkan kepada AADK sekiranya ada ahli keluarga yang terbabit dengan kegiatan menagih dadah bagi membolehkan mereka dirujuk ke pusat pemulihan dalam usaha membantu golongan berkenaan bebas daripada gejala dadah," katanya.